



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BELIA

ARAHAN TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 10
(TAHUN 2017)

PELAKSANAAN PROGRAM 20:50
INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN

1. OBJEKTIF

Dokumen ini bertujuan untuk menyampaikan rangka kerja baharu bagi pelaksanaan Program 20:50 yang akan dilaksanakan untuk semua ILKBS.

2. TAKRIF

“**ILKBS**” bermaksud Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan yang terdiri daripada Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) serta Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG) di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

“**BPKB**” bermaksud Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia dan Sukan.

“**PROGRAM 20:50**” bermaksud menjelang tahun 2020, sebanyak 50% kursus kemahiran di ILKBS akan menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

3. LATAR BELAKANG

Pada masa ini medium pengajaran dan pembelajaran di ILKBS adalah menggunakan bahasa Malaysia. Bagaimanapun, terdapat juga inisiatif sesetengah pengajar menggunakan dwibahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris terutamanya yang melibatkan kata nama sesetengah peralatan ataupun sesuatu proses kerja yang dilaksanakan di alam pekerjaan.

Memandangkan kepentingan pelajar ILKBS meningkatkan ilmu dan kemahiran bagi menjamin masa depan yang lebih cerah di alam pekerjaan, maka penguasaan Bahasa Inggeris menjadi satu elemen penting dalam memperkasakan pelajar-pelajar ILKBS.

Justeru itu, YB Menteri Belia Dan Sukan telah menetapkan sasaran 50% kursus kemahiran di ILKBS dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris pada tahun 2020. Program ini dikenali sebagai **Program 20:50**.

- Meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan ILKBS terutamanya bagi bidang melibatkan perkhidmatan dan hospitaliti.
- Membangunkan reputasi yang lebih kukuh dengan meningkatkan kepakaran ILKBS dalam bidang pengkhususan masing-masing.
- Mencapai gaji dan pengambilan pekerja yang lebih tinggi bagi graduan ILKBS dengan memberi tumpuan ke atas pekerjaan yang mempunyai permintaan tinggi dalam industri.
- Meningkatkan imej ILKBS.

4. PERATURAN PELAKSANAAN PROGRAM 20:50

- i. Setiap ILKBS adalah perlu untuk merancang dan menjalankan pelbagai aktiviti yang berkaitan bagi menjayakan Program 20:50.
- ii. Setiap ILKBS perlu melaksanakan aktiviti berbahasa Inggeris seperti yang ditetapkan di dalam kertas konsep 'English Empowerment Initiative'.
- iii. Semua inisiatif tambahan di dalam menjayakan Program 20:50 perlu dibentangkan semasa sesi Dialog Prestasi dan dimasukkan ke dalam Laporan Toolkit Penambahbaikan ILKBS (TPI) yang dihantar ke Unit Pengurusan Prestasi PMO, BPKB setiap hujung bulan.
- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perneriksaan Transformasi yang dipengerusikan oleh Menteri akan menentukan kursus-kursus yang akan dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris. Keputusan ini perlu dibentangkan di Mesyuarat Pengarah-Pengarah ILKBS.

5. TANGGUNGJAWAB PENGARAH ILKBS

Seperti mana tarikh kuat kuasa arahan tetap ini, Pengarah di setiap ILKBS adalah bertanggungjawab untuk memastikan penglibatan pengajar, kakitangan serta pelajar bagi menjayakan program 20:50.

6. TARIKH KUAT KUASA

Peraturan baru ini berkuat kuasa mulai tarikh Arahan Tetap Ketua Pengarah ini dikeluarkan.

7. PEMAKAIAN

Peraturan ini akan diguna pakai di semua ILKBS.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DR. HAJAH WASITAH BINTI HJ MOHD YUSOF)

Ketua Pengarah

Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia

Kementerian Belia dan Sukan

PUTRAJAYA

12 April 2017